

Sorok ‘masuk’ Islam

3 tahun Yusri sembunyi tukar agama daripada arwah bapa

Oleh Adnan Ibrahim
am@hmetro.com.my

Kluang


Komitmen diberikan Tok Batin Kampung Orang Asli Sungai Peroh, Yusri Abdullah, 40, untuk memartabatkan syiar Islam di kampung itu mendapat pengiktirafan apabila dipilih menerima Anugerah Khas Maal Hijrah Saudara Kita dan Orang Asli Peringkat Daerah Kluang.

Yusri memeluk Islam pada 2004 dan atas usaha dilakukannya, kini sebahagian daripada 180 penduduk perkampungan Orang Asli itu memeluk Islam.

Menurut Yusri, dia mengakui pada awal memeluk Islam, dia terpaksa menyembunyikan daripada pengetahuan ayahnya selama tiga tahun dengan menunaikan ibadat secara sembunyi termasuk memberi alasan mempunyai tujuan di luar kampung.

Katanya, rahsia dia memeluk Islam terbongkar apabila Penasihat Agama Islam Negeri Johor ketika itu, Datuk Dr Nooh Gadot bertanya kepada arwah ayahnya yang juga Tok Batin Kampung Orang Asli Sungai Peroh, Ogeh Gandoh dalam satu program keagamaan di kampung berkenaan.

“Ketika Dr Nooh tanya bila ayah nak masuk Islam



YUSRI (kanan) menerima Anugerah Khas Maal Hijrah Saudara Kita dan Orang Asli Peringkat Daerah Kluang yang disampaikan Ismail.

sedangkan saya sudah, hati saya bimbang jika ayah marah namun terkejut apabila dia menyatakan hasrat memeluk agama Islam.

“Saya bersyukur mendengarnya dan tindakan itu menyebabkan hampir keseluruhan penduduk di kampung ini memeluk agama Islam,” katanya.

Yusri berkata demikian selepas menerima anuge-

rah itu daripada Pegawai Daerah Kluang, Ismail Abu pada majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Daerah Kluang di Masjid Bandar Kluang, kelmarin.

Hadir sama, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kluang, Mohd Rafi Abdullah; Pentadbir Tanah Daerah Kluang, Hisam Said dan Yang Dipertua Majlis Daerah Simpang Renggam, Mo-

hamad Sukry Abd Rahim.

Menurut Yusri, sebagai usaha memperkasakan lagi agama Islam, sebidang tanah miliknya di Kampung Orang Asli Sungai Peroh diwakafkan untuk membina surau, rumah transit Jabatan Agama Islam Negeri Johor, tadika, balai raya, rumah guru dan pergi untuk kegunaan surau dan masyarakat kampung.